

Headline	Mimos pindah teknologi 12 syarikat	Language	MALAY
Date	02. Sep 2008	Page No	34
Media Title	Berita Harian	Article Size	130 cm2
Section	Ekonomi	Frequency	Daily
Circulation	217920	Color	Full Color
Readership	2083000	AdValue	2316.07



## Mimos pindah teknologi 12 syarikat

**M**IMOS Bhd sudah meluluskan pemindahan teknologi kepada 12 syarikat yang akan membangunkannya menjadi produk dan aplikasi untuk memenuhi keperluan pasaran.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata permohonan 62 syarikat lain sedang diproses bagi memastikan teknologi yang dipindahkan itu memberi impak komersial yang tinggi.

"12 syarikat yang sudah diluluskan permohonan mereka kini bekerja bersama kami dan menjalani latihan untuk membangunkan pro-

duk dan aplikasi daripada teknologi yang dipindahkan itu," katanya pada sidang media selepas majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara Mimos dan Persekutuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom) di Petaling Jaya, minggu lalu.



Abdul Wahab memeterai perjanjian itu bagi pihak Mimos manakala Pikom diwakili Presidennya, CJ Ang.

MoU itu bagi membolehkan kedua-dua pihak mempercepatkan proses pengkomersialan teknologi tempatan menerusi pemindahan teknologi dibangunkan Mimos kepada ahli Pikom.

Abdul Wahab berkata, MoU itu membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama mengenal pasti keperluan pasaran industri teknologi maklumat tempatan dan memadankannya dengan teknologi yang dibangunkan di makmal Mimos.

"Kami akan mengenal pas-

ti sebarang peluang pemindahan teknologi dalam enam kluster teknologi Mimos," katanya.

Beliau menjelaskan, antara teknologi kluster itu termasuk Grid Pengetahuan, Teknologi Pengetahuan, Keselamatan Maklumat, Komunikasi Tanpa Wayar dan Mikro-Nano.

"Kedua-dua pihak juga akan membantu antara satu lain dalam mengenalpasti penerima teknologi yang sesuai bagi tujuan pengkomersialan sejajar program pemindahan teknologi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi," katanya.